

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (J) 3-2015

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang telah diperbadankan pada 12 April 1993. Perayu menjalankan aktiviti perniagaan mengitar semula *waste engine oils*. Bekalan *waste engine oils* untuk dikitar semula diperolehi dari bengkel dan kilang iaitu minyak yang telah digunakan atau dihasilkan sebagai *by-product* daripada mesin atau peralatan yang digunakan.
2. Pada tahun 2009 JKDM, Selangor telah membuat auditan ke atas rekod jualan syarikat Perayu. Pada 20 Disember 2013 JKDM, Selangor telah mengeluarkan satu Bil Tuntutan di mana Perayu dituntut untuk membayar cukai jualan terkurang dibayar sebanyak RM80,475.60 (bagi tempoh Oktober 2010 hingga Julai 2012) dan penalti sebanyak RM20,118.91.
3. Perayu tidak berpuas hati dengan tuntutan tersebut. Pada 31 Disember 2013 Perayu telah mengemukakan surat rayuan kepada Menteri Kewangan memohon remisi atas cukai jualan dan penalti yang dituntut. Menurut Perayu, sisa minyak yang dikitar semula adalah sisa minyak pelincir Shell dan Petronas di mana cukai jualan ke atasnya telah pun dibayar. Oleh itu tindakan JKDM mengenakan cukai jualan ke atas jualan produk Perayu bermakna cukai dua kali (*double taxation*) telah dikenakan. Melalui surat Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 17 November 2014, Perayu telah dimaklumkan seperti berikut:

Permohonan Alivirgo Sdn. Bhd. untuk mendapatkan remisi cukai jualan berjumlah RM80,475.60 dan penalti cukai jualan berjumlah RM20,118.91 telah diteliti dan dimaklumkan bahawa YB Menteri Kewangan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 33 Akta Cukai Jualan 1972 bersetuju seperti berikut:

- i. Remisi cukai jualan sebanyak RM80,475.60 tidak diluluskan; dan
 - ii. Penalti cukai jualan sebanyak RM20,118.91 diremitkan sepenuhnya.
4. Pada 3 Mac 2014 iaitu sebelum Menteri Kewangan membuat keputusan di atas, Perayu telah mengemukakan permohonan ketetapan kastam atas aktiviti perniagaan yang dijalankan kepada Ketua Pengarah Kastam (KPK). Melalui ketetapan kastam bertarikh 29 April 2014, KPK telah memutuskan “Aktiviti pembersihan semula *waste engine oils* kepada *recycled oils* untuk digunakan sebagai *lubricants* seperti *engine oil*, *hydraulic oil* dan *gear oil* menepati definisi pengilangan di bawah seksyen 2(b), Akta Cukai Jualan 1972”.
5. Perayu tidak bersetuju dengan ketetapan kastam di atas. Pada 14 Jun 2014 Perayu telah menghantar surat kepada KPK dengan membangkitkan perkara berikut:
 - i. Proses kitar semula sisa minyak tidak terjatuh dalam definisi “petroleum” di bawah seksyen 2(1) Akta Kastam 1967.
 - ii. Tidak berlaku proses pengilangan dalam aktiviti perniagaan Perayu kerana Perayu hanya menjalankan aktiviti kitar semula sisa minyak. “Pengilangan” hanya terpakai untuk aktiviti memproses minyak mentah.
6. Perayu juga telah mengemukakan rayuan seterusnya kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk mendapat remisi cukai jualan berjumlah RM80,475.60. Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 16 April 2015 telah memaklumkan rayuan Perayu ditolak.

7. Pada 12 Mei 2015 Perayu telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam terhadap keputusan KPK dalam ketetapan kastam bertarikh 29 April 2014. Sebagai remedi Perayu memohon supaya Bil Tuntutan bertarikh 20 Disember 2013 dibatalkan.
8. Notis Rayuan difailkan selepas tamat tempoh rayuan iaitu dengan kelewatan 310 hari. Perayu telah memfailkan Permohonan Pelanjutan Masa untuk memfailkan rayuan dengan memberikan alasan kelewatan berlaku disebabkan Perayu telah membuat rayuan kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

ISU

1. Sama ada permohonan pelanjutan masa untuk memfailkan rayuan boleh dibenarkan.
2. Sama ada Tribunal mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan ini memandangkan Menteri Kewangan telah membuat keputusan atas perkara yang sama.

KEPUTUSAN

1. Permohonan pelanjutan masa untuk memfailkan rayuan adalah ditolak.
2. Merujuk kepada isu kedua, Tribunal memutuskan Tribunal tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan ini kerana perkara yang sama telah diputuskan oleh Menteri Kewangan.
3. Rayuan dibatalkan.

6 Jun 2015